



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PROGRAM BANTUAN KEWANGAN KEPADA RUMAH IBADAT  
SELAIN ISLAM**

---

25 Mei 2021, Putrajaya – Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah Belanjawan Tahun 2021 bagi projek pembaikan (baik pulih), penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat selain islam. Peruntukan bagi fasa pertama sebanyak RM 20 juta telah pun disalurkan kepada Kementerian Perpaduan Negara.

2. Menurut YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Program bantuan kewangan ini akan disalurkan kepada rumah-rumah ibadat selain Islam yang mengemukakan permohonan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat berkenaan berdasarkan pertimbangan nilai kerja seperti berikut:
  - a. Kerja-kerja sivil **tidak melebihi RM100 ribu** seperti membaiki struktur bangunan, lantai jubin, siling bumbung, pagar, parit atau kerja-kerja mengecat;
  - b. Kerja-kerja pendawaian elektrik **tidak melebihi RM50 ribu** seperti menyelenggara pendawaian elektrik, membaiki kotak fius elektrik, membaiki lampu, kipas dan kamera CCTV; dan

- c. Kerja-kerja mekanikal tidak melebihi RM50 ribu seperti membaiki penghawa dingin, membaiki lif atau sistem pam tangki air.
- 3. Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan garis panduan dan tatacara permohonan peruntukan di bawah **Program Bantuan Kewangan Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam** untuk memastikan proses penyaluran bantuan kewangan berkenaan berjalan dengan telus dan lancar.
- 4. Pihak Pengurusan Rumah-rumah Ibadat Selain Islam boleh mendapatkan borang permohonan dan maklumat mengenai tatacara permohonan ini dalam portal rasmi Kementerian Perpaduan Negara serta memanjangkan permohonan terus kepada Kementerian Perpaduan Negara mengikut proses yang telah ditetapkan.  
<https://www.perpaduan.gov.my/admin/files/perpaduan/pdf/Program%20Bantuan%20Kewangan%20Rumah%20Ibadat%20Antara%20Islam.pdf?t=1620292610>

**Kementerian Perpaduan Negara**

25 Mei 2021

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (70)